



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

---

Jil. LXXIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 28 JUN 2018

[No. 26

---

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

---

**No. 215**

[No. JKM(S) 100-52/24 KLT. 2/(37)

## PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH

### PELANTIKAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Perkara 15A(1) Perlembagaan Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik YBhg. Datuk George Anthony Ginibun sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah berkuat kuasa 13 Jun 2018 hingga 12 Jun 2023.

---

**No. 216**

[No. JKM.PHB.600-2/1/550/(19)

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

### Bab 69

#### ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 183/2018 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disediakan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini

Bab 69

mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH - (*samb.*)

di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya, yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu, untuk Menaik Taraf Jalan Berjasa, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 17 April 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM.PHB.600-2/1/550/(19)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that land referred to in *Gazette* Notification No. 183/2018 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Cap. 69 Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorized officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for the Upgrading of Berjasa Road, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 17th day of April, 2018.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 217

[No. JKM.PHB.600-2/1/551/(22)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 184/2018 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disediakan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini

Bab 69 mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya, yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu, untuk Membina Jalan Pintas - Kedai Rumah-Rumah Murah Kepayan, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 17 April 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM.PHB.600-2/1/551/(22)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

## Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that land referred to in *Gazette* Notification No. 184/2018 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore,

Cap. 69 in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorized officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of the Kepayan Low Cost Housing Shops Bypass Road, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 17th day of April, 2018.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 218**

[No. KKT&amp;P: 200-3/5/7 Jld. 2/(48)]

## ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN, 1961

(Ordinan No. 11 tahun 1961)

## NOTIS SENARAI PENILAIAN MAJLIS DAERAH PAPAR BAGI TAHUN 2018

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 iaitu Seksyen 74 dan 77, pembayar cukai dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Papar telah memutuskan untuk menggunakan penilaian tahun lalu (2017) bagi tahun 2018. Penilaian bagi harta berkadar yang tidak termasuk sehingga sekarang telah pun dimasukkan ke dalam senarai tahun ini. Senarai penilaian ini bolehlah diperiksa di Pejabat Majlis Daerah Papar pada waktu pejabat.

2. Sesiapa yang ingin membuat bantahan terhadap penilaian tersebut hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengerusi Majlis Daerah Papar sekurang-kurangnya enam hari sebelum 22 April 2018 iaitu tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran bantahan.

3. Setiap notis hendaklah menyatakan dengan jelas amaun penilaian yang dianggap oleh pembantah sebagai patut untuk menggantikan amaun yang dinyatakan di dalam senarai penilaian serta alasan bantahan bersama dengan maklumat-maklumat berkaitan.

Diperbuat di Papar pada 2 haribulan Mac 2018.

ADANAN @ ADNAN BIN ATIN,  
*Pengerusi,*  
*Majlis Daerah Papar.*

[No. KKT&amp;P: 200-3/5/7 Jld. 2/(48)]

## THE LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE, 1961

(Ordinance No. 11 of 1961)

## PAPAR DISTRICT COUNCIL NOTICE OF VALUATION LIST 2018

In accordance with Sections 74 and 77 of the Local Government Ordinance, 1961 ratepayers are hereby notified that the Papar District Council has resolved to adopt for the year 2017, the valuation of the previous and that valuation of rateable properties not included hitherto has now been added. The valuation list may be inspected at the Papar District Council during normal office hours.

2. Any person wishing to object to any valuation as aforesaid shall give written notice thereof to the Chairman of the Papar District Council at least six days before 22nd April 2018, the date fixed for the commencement of the hearing of objections.

3. Any such notice shall specify the amount of the valuation which the person objection considers shall be substituted for the nature and ground of such person objecting and particulars thereof.

Dated at Papar, this 2nd day of March, 2018.

ADANAN @ ADNAN BIN ATIN,  
*Pengerusi,*  
*Majlis Daerah Papar.*

---

*REPEATED NOTIFICATION*

No. 213

[No. JKM. PHB. 600-4/1/397/(15)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PEMBATALAN SEBAHAGIAN DARIPADA  
TANAH RIZAB PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI DI JALAN ISTANA  
DAERAH KOTA KINABALU  
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28 Ordinan Tanah Bab 68 Yang di-Pertua Negeri dengan ini membatalkan sebahagian daripada kawasan Tanah Rizab seluas 0.36 hektar daripada Lot Ukur Bil. 01200716 yang diwartakan di bawah Pemberitahuan *Warta* Bil. 711 tahun 1991 di mana keterangan yang lebih lanjut adalah ditunjukkan di dalam No. Pelan 901500015.

2. Pemberitahuan *Warta* Bil. 711 tahun 1991 adalah dipinda selaras dengan memotong sebahagian daripada kawasan seluas 3.37 hektar yang terdapat pada Lot Ukur Bil. 01200716 di dalam Jadual itu dan menggantikannya dengan kawasan 3.01 hektar.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 2 April 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

*REPEATED NOTIFICATION - (cont.)*

[No. JKM. PHB. 600-4/1/397/(15)]

## LAND ORDINANCE

Cap. 68

PARTIAL REVOCATION OF  
STATE GOVERNMENT RESIDENTIAL RESERVE AT ISTANA ROAD  
DISTRICT OF KOTA KINABALU  
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28 of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby revokes the reservation of an area of 0.36 hectare from Survey Lot No. 01200716 gazetted under *Gazette* Notification No. 711 of 1991, which is more particularly shown on Plan No. 901500015.

2. *Gazette* Notification No. 711 of 1991 is hereby amended by deleting the 3.37 hectares appearing against the Survey Lot No. 01200716 in the Schedule thereto and substituting therefor the area of 3.01 hectares.

Dated at Kota Kinabalu, this 2nd day of April, 2018.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2018 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

### **KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2018**

*Warta Kerajaan* termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia ... ..	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia ... ..	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40
Sesuatu naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.	
Tidak lebih daripada 8 muka ... ..	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka ... ..	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka ... ..	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka ... ..	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka ... ..	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka ... ..	5.40
Lebih daripada 96 muka ... ..	7.20
	dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.
Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2017 (dijilid dengan Kulit Keras) ... ..	RM 42.00

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang "& Co".**

## **Untuk Makluman**

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.**
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.**